

PERANAN SEMUA KAUM DALAM MENYEMARAKKAN SEMANGAT GAGASAN 1MALAYSIA

FORUM PERDANA PATRIOTISME-1MALAYSIA

“RAKYAT DIDAHULUKAN PENCAPAIAN DIUTAMAKAN”

TAJUK:

PERANAN SEMUA KAUM DALAM MENYEMARAK SEMANGAT GAGASAN 1MALAYSIA.

LATARBELAKANG

Gagasan ‘1 Malaysia’ adalah satu gagasan yang diperkenalkan oleh YAB Dato’ Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri, apa bila beliau mengambil alih teraju pentadbiran negara, bagi memupuk **perpaduan** di kalangan rakyat Malaysia yang berbilang keturunan dan etnik berteraskan beberapa nilai –nilai penting yang seharusnya menjadi amalan setiap rakyat Malaysia. Gagasan ini adalah digagaskan selaras dengan peruntukan-peruntukan yang termaktub dalam **Perlembagaan Persekutuan** dan **Prinsip-Prinsip Rukun Negara**.

KENAPA GAGASAN 1 MALAYSIA DIPERKENALKAN?

Gagasan 1 Malaysia bukanlah satu gagasan yang mendukung atau memajukan satu dasar baru yang terpisah dari dasar-dasar kerajaan sebelum ini. Sebaliknya, ia adalah satu gagasan **pelengkap** atau **sinambungan** kepada pendekatan-pendekatan yang sedia amal dan diterapkan dikalangan rakyat Malaysia bagi mengukuhkan lagi perpaduan bagi menjamin kestabilan, keamanan dan kesejahteraan, malah meningkatkan pembangunan dan kemajuan yang lebih tinggi bagi negara dan rakyat Malaysia.

KONSEP GAGASAN 1 MALAYSIA

Matlamat 1 Malaysia adalah melahirkan sebuah **negara bangsa** Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum dan agama yang harus menganggap diri mereka sebagai satu keluarga besar dalam satu negara bangsa Malaysia, malah berfikir dan bertindak ke arah mencapai perpaduan yang jati antara berbilang kaum. Gagasan 1Malaysia berhasrat mewujudkan sebuah kerajaan yang berpaksikan kepada hasrat ‘**Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan**’.

Gagasan 1 Malaysia menekankan sikap penerimaan kelainan yang wujud dikalangan rakyat sebagai satu realiti hidup rakyat Malaysia. Rakyat berbilang keturunan dan etnik di Malaysia perlu menerima keunikan kaum yang lain, mengutamakan kesetiaan kepada negara mengatasi kesetiaan kepada kaum dan kelompok sendiri. Malah, bersedia hidup bersama dalam keadaan saling hormat menghormati nilai-nilai dan kepercayaan kaum yang lain. Ringkasnya, rakyat Malaysia sedia hidup sebagai satu ‘keluarga besar’ dalam satu negara hak milik bersama.

Sesungguhnya, Gagasan 1 Malaysia lebih bertekad memfokuskan kepada aspek psikologi atau jiwa rakyat Malayais dalam **merima** dan **menerap** nilai-nilai murni seperti

kekitaan, memikir dan bertindak sebagai satu bangsa Malaysia, malah mengapuskan pemikiran yang bersandarkan satu kaum atau etnik tertentu di kalangan rakyat.

Gagasan 1Malaysia mendorong rakyat lebih mementingkan kepentingan negara dalam perjuangan masing-masing daripada memenuhi kepentingan dan keperluan sesuatu kaum tertentu yang tidak terhad.

NILAI-NILAI YANG DIMAJUKAN DALAM GAGASAN 1MALAYSIA?

Gagasan 1 Malaysia adalah pemangkin kepada kelahiran sebuah **negara bangsa** yang mementingkan sikap **kesamaan** dan **kekitaan** di kalangan rakyat. Malah perlu memahami dan menghayati lapan nilai yang digolongkan dalam nilai teras 1Malaysia, iaitu **budaya berprestasi tinggi, budaya ketetapan, budaya ilmu, integriti, ketabahan, kesetiaan, kebijaksanaan dan budaya inovasi.**

Sesungguhnya, semua kaum perlu menganggap bahawa mereka adalah rakyat jati Malaysia di mana segala hasil pembangunan perlu dinikmati secara bersama. Rakyat Malaysia perlu menganggap Malaysia sebagai negara ibunda atau negara kita bersama, di mana tidak ada satu kumpulan kaum atau masyarakat yang merasa mereka terpinggir daripada menikmati pembangunan dan pembelaan daripada kerajaan.

Gagasan 1 Malaysia mendukung prinsip **keadilan sosial** untuk semua kaum. Ini bermakna, nasib dan kepentingan semua kaum akan terbela agar mana-mana kaum atau kumpulan masyarakat pun merasa mereka dipinggirkan. Malah, kaum dan golongan masyarakat yang memerlukan bantuan kerajaan akan diberikan keutamaan dalam menerima bantuan yang sewajarnya.

Dengan itu, Gagasan 1 Malaysia menegaskan bahawa tidak siapapun rakyat Malaysia perlu menganggap diri mereka sebagai rakyat **kelas 2** atau dipinggirkan dalam arus pembangunan perdana negara ini. Malah setiap kaum, bumiputra ataupun bukan bumiputra, yang memerlukan bantuan untuk meningkatkan taraf dan kualiti hidup masing-masing akan dibantu oleh kerajaan.

GAGASAN 1 MALAYSIA MERAYAKAN KEPELBAGAIAN KAUM DI MALAYSIA?

Usaha melahirkan satu generasi rakyat 1Malaysia bukanlah merupakan satu proses asimilasi yang mampu melenyapkan identiti kaum atau etnik dan digantikan dengan satu identiti nasional seperti diamalkan di negar-negara lain.

Sebaliknya, Gagasan 1Malaysia menghargai dan menghormati malah berhasrat memelihara identiti dan keunikan kaum dan etnik masing-masing selaraskan dengan kerangka persetujuan-persetujuan telah tercapai dalam kontrak sosial oleh pelopor-pelopor kemerdekaan dan kemudiannya menyerlah dalam Perlembagaan Persekutuan.

Malah, Gagasan 1 Malaysia memajukan konsep bahawa keunikan dan kelainan yang wujud dikalangan rakyat Malaysia sebagai satu aset atau kelebihan yang patut dibanggakan oleh rakyat Malaysia kerana keunikan itu membantu dalam usaha meningkatkan pembangunan dan kemajuan negara kepada tahap yang lebih tinggi.

Namun, perlu dijelaskan bahawa Gagasan 1 Malaysia adalah dimajukan berdasarkan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara. Ini bermakna dasar-dasar kerajaan dan program-program pembangunan yang disediakan bagi kaum bumiputra dan bukan bumiputra akan terus disediakan berdasarkan peruntukan-peruntukan yang sedia ada dalam Perlembagaan Persekutuan. Semua kaum dan etnik akan mendapat pembelaan dan bantuan selaras dengan peruntukan-peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan yang digubal berteraskan semangat tolak ansur antara kaum.

Gagasan 1 Malaysia merupakan satu **penerusan agenda** melahirkan sebuah **negara bangsa** berdasarkan Perlembagaan Persekutuan. Malah, Gagasan 1 Malaysia lebih memfokuskan kepada menyediakan peluang-peluang yang samarata, membantu kumpulan dan golongan rakyat yang masih tertinggal dalam arus perdana pembangunan negara, mendorong kumpulan yang lebih kaya membantu kumpulan dan golongan yang masih berkurangan dan memerlukan bantuan. Ini bermakna Gagasan 1 Malaysia lebih **menterjemahkan semangat keadilan sosial kepada rakyat Malaysia tanpa mengira kaum.**

Gagasan 1 Malaysia bukanlah merupakan satu retorik politik atau “*lip-service*” seperti didakwa oleh setengah-tengah pihak malah merupakan satu usaha penerusan pendekatan kerajaan (BN) bagi mengukuhkan perpaduan yang sedia terjalin di kalangan rakyat Malaysia. Perpaduan rakyat adalah matlamat utama dasar dan program kerajaan sejak merdeka.

Mantan Perdana Menteri seperti YTM Tunku Abdul Rahman, Tun Razak, Tun Hussein Onn, Tun Mahathir Mohamed dan Tun Abdulah Ahmad Badawi pernah menengahkan dasar-dasar tertentu untuk mencapai dan mengukuh perpaduan dikalangan rakyat yang berbilang kaum dan keturunan. YAB Mohd. Najib Tun Razak yang mengambil alih teraju pentadbiran Negara pada bulan April 2009 hanya meneruskan tradisi menyatupadukan rakyat dengan pendekatan tersendiri, ia itu Gagasan 1 Malaysia, untuk mengukuhkan lagi perpaduan yang terjalin di kalangan rakyat.

Dengan ini, jelas bahawa Gagasan 1 Malaysia adalah penerusan agenda membina negara bangsa Malaysia supaya urusan pembangunan negara akan berjalan dengan lebih lancar. Kerajaan kepimpinan YAB Mohd. Najib Tun Razak amat komited terhadap merealisasikan Gagasan 1 Malaysia sejak diumumkan. Dasar-dasar dan program-program pembangunan yang diumumkan oleh Najib selaku perdana menteri dengan jelas menunjukkan keiklasan beliau dalam menterjemahkan konsep **Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan.** Program-program pembangunan yang digubal oleh beliau didapati mencerminkan pendekatan **pembangunan inklusif.**

Rancangan Malaysia Ke 10 jelas kelihatan bertekad untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat Malaysia, terutamanya komuniti yang dianggap tertinggal dalam arus pembangunan perdana. Komuniti ini akan diberi keutamaan dalam menyediakan bantuan kerajaan.

Kaum dan komuniti yang menganggap mereka tertinggal dalam bidang ekonomi-sosial diberi pertimbangan khusus dalam menangani masalah ekonomi- sosial mereka melalui projek pembangunan yang digariskan dalam Bajet 2010 yang dibentang oleh PM pada 23 Oktober 2009. Perdana Menteri telah mengumumkan peruntukan khusus dalam Bajet sulungnya yang boleh menafaatkan kaum dan komuniti yang memerlukan bantuan kerajaan.

- Kerajaan telah menyediakan peruntukan 20 juta ringgit kepada usahawan kecil kaum India yang merupakan tambahan kepada peruntukan sedia ada 15 juta ringgit

dariapada RM 200 juta ringgit yang diperuntukkan kepada Tabung Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN).

- Peluang yang saksama kepada semua rakyat untuk sertai dalam pertumbuhan ekonomi.
- Pendapatan Negara Kasar Per kapaita dianggarkan meningkat kepada RM 26,420 pada tahun 2010.
- Kadar pengangguran pada paras 3.6% (2010).
- Kadar penembusan jalur lebar meningkat kepada 32% (2009).
- Bekalan elektrik disediakan di Sabah 80% dan Sarawak 72.6% (2010).
- Bekalan Air disediakan di Sabah 62% dan di Sarawak 64% (2010).
- Kadar kemiskinan keseluruhan turun 3.8% (2009).
- Akses pendidikan prasekolah (umur 4-5 tahun) diperluaskan 67.6% (2009).
- Kerajaan berkomited untuk meningkatkan punca pendapatan isi rumah 40% terendah tanpa mengira kaum, latarbelakang atau lokasi melalui program bina pendapatan dan bina upaya **kumpulan kurang bernasib baik**.
 - Sasaran untuk meningkatkan pendapatan isi rumah RM 1440 (2009) kepada RM 2300 (2015) sebulan.
 - Kerajaan memperuntukkan 15 % daripada jumlah saham yang diterbitkan oleh PNB bagi kaum India untuk membantu meningkatkan ekuiti mereka dalam sektor ekonomi negara dalam menikmati kekayaan negara.
 - Klinik 1 Malaysia di bina di kawasan Bandar seperti klinik desa di luar Bandar.
 - Sejumlah 1.6 bilion ringgit disediakan bagi pembinaan 80 buah sekolah baru serta 1,100 buah blok tambahan dan 347 projek gantian sekolah, termasuk pembinaan Sekolah Kebangsaan Rendah dan Menengah, Sekolah Agama Bantuan Kerajaan, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil serta Sekolah Mubaligh (mission school).
 - Menganugerahkan Biasiswa Nasional kepada 30 pelajar terbaik di kalangan yang terbaik atau crême de la crême berasaskan kepada merit sepenuhnya. Penyandang Biasiswa Nasional ini akan melanjutkan pelajaran ke universiti tersohor di dunia.

Pada masa yang sama, kerajaan telah memperkenalkan Petanda Utama Pencapaian atau **Key Performance Indicator (KPI)** untuk mengukur dan menilai prestasi perkhidmatan kerajaan malah menggerak dan mendorong sektor perkhidmatan awam meningkatkan kecekapan dan kualiti perkhidmatannya kepada rakyat. KPI bagi 6 Jabatan kerajaan juga telah ditetapkan baru-baru ini dalam merealisasikan Gagasan 1 Malaysia.

Ini jelas menunjukkan bahawa gagasan 1 Malaysia bukan satu retorik politik semata-mata, malah kerajaan berkomited dan bersungguh-sungguh dalam menterjemahkan hasrat ‘**1 Malaysia : Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan**’ supaya rakyat atau semua kaum dan etnik mendapat faedah terbaik tanpa mengira perbezaan antara mereka.

PERANAN KAUM MASING-MASING DALAM MENJAYAKAN GAGASAN 1MALAYSIA

Sejajar dengan hasrat kerajaan untuk membina negara bangsa, semua kaum perlu berusaha memperkasakan Gagasan 1Malaysia dengan menumpukan perhatian kepada penerapan nilai-nilai murni dan teras 1 Malaysia sebagai amalan hidup mereka.

Pertubuhan-pertubuhan yang mewakili kepentingan kaum masing-masing boleh menjalankan pelbagai aktiviti seperti (contoh: menubuhkan Kelab 1Malaysia-Rukun Negara di kawasan masing-masing) dalam menyemarak dan melestarikan 1Malaysia dan Falsafah Rukunegara.

Penghayatan semangat Rukun Negara perlu diteruskan dikalangan rakyat Malaysia. Kupasan prinsip-prinsip Rukun Negara melalui pelbagai aktiviti sosial harus diteruskan supaya rakyat dapat menerapkan semangat kenegaraan, bersama-sama dengan teras-teras 1Malaysia. Usaha ini diharapkan akan melahirkan rakyat Malaysia yang berjiwa patriotik serta cintakan negara.

Lima prinsip penting yang terdapat dalam Rukun Negara yang diisytiharkan oleh Yang di-Pertuan Agong pada 31 Ogos 1970 selepas peristiwa 13 Mei 1969 iaitu **Prinsip Kepercayaan kepada Tuhan, Kesetiaan Kepada Raja dan Negara, Keluhuran Perlembagaan, Kedaulatan Undang-Undang dan Kesopanan dan Kesusilaan** tidak sepatutnya dilupakan oleh rakyat Malaysia. Di dalamnya terkandung semangat yang berupaya menerapkan nilai murni ke arah pemupukan perpaduan tanpa mengira usia atau latar belakang bangsa dan budaya.

CABARAN

Perledakan maklumat dan proses globalisasi telah mencetuskan pelbagai cabaran dalam menyatupadukan rakyat Malaysia yang berbilang kaum, keturunan dan etnik. Perubahan dalam landskap politik dunia juga turut mempengaruhi pemikiran rakyat Malaysia dalam konteks perpaduan dan integrasi antara kaum, malah dalam konteks patriotisme dikalangan golongan muda.

Sesungguhnya, perpaduan yang erat dan jati antara berbilang kaum di Malaysia adalah **prakarsa** bagi bukan sahaja menguatkan negara menghadapi ancaman globalisasi malah akan membantu mempertahankan keamanan, keharmonian dan kesejahteraan yang sedia terbina dan dinikmati sejak beberapa tahun yang lalu.

Sehubungan ini, Gagasan 1 Malaysia mainkan peranan penting sebagai alat yang membantu memastikan aspirasi negara, **WAWASAN 2020** tercapai supaya Malaysia mencapai status negara maju menjelang tahun 2020.

KESIMPULAN

Rakyat Malaysia , tanpa mengira keturunan,etnik, agama malah kefahaman politik harus memahami, menghayati dan menerapkan teras-teras perpaduan seperti penerimaan,

kenegaraan dan keadilan sosial dan nilai-nilai aspirasi seperti budaya berprestasi tinggi, budaya ketetapan, budaya ilmu, integriti, ketabahan, kesetiaan, kebijaksanaan dan budaya inovasi, yang dimajukan dalam Gagasan 1 Malaysia supaya negara bangsa Malaysia menjadi sebuah negara yang maju, aman, damai dan sejahtera dipersada dunia.

We hope that Najib's vision of 1 Malaysia surely will act as a panacea to all the socio-political-economic woes and shortcomings among Malaysians in strengthening unity to a greater heights in the near future.